



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN DALAM BIDANG AUTOMOTIF DI KAWASAN LEMBAH KLANG MELALUI PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)**

---

1. Kementerian Sumber Manusia menerima banyak pertanyaan daripada Ahli Parlimen dan pemegang taruh berkaitan langkah dan persediaan Kerajaan membangunkan tenaga kerja mahir khususnya dalam bidang berkaitan automotif.
2. Sebagai langkah untuk menyediakan program latihan yang komprehensif, Kementerian Sumber Manusia telah membina dan mengoperasikan tiga buah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kawasan Lembah Klang iaitu Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam, Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur, Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam. Institusi ini menawarkan pelbagai program TVET temasuk dalam bidang automotif bermula dari peringkat Sijil hingga ke Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) menerusi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).
3. Selain itu, terdapat juga beberapa lagi institusi TVET di bawah kendalian Kementerian lain yang beroperasi di Lembah Klang termasuklah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua, Kolej Komuniti Kelana Jaya, GIATMARA Hulu Langat, dan GIATMARA Hulu Selangor yang turut menyediakan peluang latihan TVET dalam bidang automotif kepada belia di kawasan sekitarnya.
4. Dalam usaha menggiatkan program TVET bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang automotif, institusi TVET sedia ada akan secara berterusan mengukuhkan kerjasama dengan pihak industri dan meneroka potensi kerjasama

baharu yang komprehensif. Melalui kerjasama ini, pihak industri akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan TVET melalui pembangunan kurikulum, penyampaian latihan, perkongsian kepakaran dan peralatan serta seterusnya mengambil pelatih TVET yang telah dilatih berdasarkan acuan industri ini untuk terus bekerja.

5. Selain itu, program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan *Academy in Industry* (Ail) turut dilaksanakan bagi meningkatkan penghasilan tenaga mahir dalam bidang automotif. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam program ini akan melatih secara terus perantis dalam pelbagai aspek kemahiran bidang automotif untuk tujuan Persijilan Kemahiran Malaysia.
6. Projek Automotive High-Tech Valley (AHTV) di Proton City, Tanjung Malim akan menjadi sebuah hab automotif bertaraf global dan menjadi pemangkin limpahan ekonomi untuk kawasan sekitarnya. Pelaksanaan projek itu akan dikembangkan mencakupi pembangunan bakat, penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) membabitkan pelaburan berjumlah RM32 bilion yang dipelopori syarikat Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. (Geely) bersama-sama DRB-HICOM Berhad.
7. Kelancaran projek ini melalui pembangunan dan penyediaan bakat berkemahiran secara berterusan akan menjadi contoh kepada pelabur-pelabur terhadap pendekatan Malaysia dalam memudah cara pelaburan dengan cekap dan segera. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan perbincangan dengan pihak Geely dari masa ke semasa untuk memperincikan mekanisma pembangunan bakat dalam bidang automotif yang holistik termasuk kemahiran dan kepakaran dalam bidang kenderaan elektrik untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir bagi projek ini.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
17 OKTOBER 2023**